

22/04/1998

PM bidas parti lawan politikkan kegawatan ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas kecenderungan parti pembangkang mempolitikkan kegawatan ekonomi sebagai isu untuk memenangi kerusi dalam pilihan raya.

Beliau menegaskan, kegawatan sekarang memerlukan semua lapisan rakyat dan parti menghadapi serta bersatu menanganinya.

"Adalah tidak wajar menggunakan keadaan kegawatan sekarang untuk memenangi undi bagi diri sendiri. Sebaliknya, kita harus bekerjasama untuk memulihkan ekonomi.

"Saya jangka mereka akan membantu kerajaan tetapi malangnya mereka melihat hanya peluang politik peribadi daripada kegawatan sekarang.

"Mereka tidak nampak ini adalah sebagai sesuatu yang harus ditangani bersama dan membantu kerajaan memulihkan keadaan," katanya selepas melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British, hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, yang mendakwa parti pembangkang akan memenangi lebih banyak kerusi dalam keadaan ekonomi sekarang.

Dr Mahathir menegaskan, Barisan Nasional sama sekali tidak akan menggunakan isu kegawatan ekonomi untuk kepentingan politik.

(END)